

# Mahasiswa perlu tumpu pada pelajaran

UB 7.9.2017 B3  
LABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dinasihatkan agar memberikan tumpuan sepenuhnya pada pelajaran.

Sehubungan itu, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Hanudin Amin mahu mahasiswa tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan nama baik diri, keluarga dan universiti.

Katanya, selama tiga tahun menuntut ilmu di menara gading, mereka sepatutnya mengejar kecemerlangan bagi memudahkan mereka memperolehi kerjaya yang memuaskan dan menarik.

“Rebut peluang yang disediakan pihak universiti untuk menimba lebih banyak ilmu khususnya yang berkaitan akademik. Jangan babitkan diri dengan kegiatan yang boleh menjejaskan nama baik keluarga dan universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan kepada 463 pelajar baharu FKAL pada Sesi



**HANUDIN (tiga kanan) beramah mesra dengan pelajar baharu pada Sesi Bersama FKAL di Dewan Utama. Turut kelihatan Mohd Fahmi (kanan) dan Lee.**

Bersama Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) di Dewan Utama UMSKAL pada Rabu.

FKAL menawarkan lima program iaitu HE19 (Kewangan Antarabangsa), HE20 (Perbankan

Antarabangsa dan Luar Pesisir), HE21 (Pemasaran Antarabangsa), HE22 (Ekonomi Kewangan Antarabangsa) dan HE23 (Kewangan Islam).

Hanudin menasihatkan pelajar baharu supaya sentiasa



**SEBAHAGIAN pelajar lelaki FKAL.**

berhubung dengan pensyarah mereka bagi mendapatkan lebih banyak ilmu tambahan berkaitan jurusan yang mereka ambil.

“Jika ada kemusykilan berkaitan akademik, pelajar perlu mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pensyarah mereka sendiri,” katanya.

Turut menghadiri majlis itu ialah Timbalan-timbalan Dekan, Dr Lee Hock Ann dan Dr Mohd Fahmi Ghazali serta pensyarah FKAL.



**HANUDIN (tiga kanan) merakam kenangan bersama pensyarah FKAL.**



**PELAJAR perempuan FKAL menyanyikan lagu UMS, 'Bertekad Cemerlang'.**